

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	01 FEBRUARY 2017

PAS kena berhati-hati berurusan dengan DAP

BH - 1/2/2017

➔ Kerjasama dalam pakatan pembangkang hanya mahu dapat sokongan pengundi Melayu

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman
wananwar@bh.com.my

✦ Petaling Jaya

PAS dinasihatkan supaya berhati-hati jika mahu bekerjasama dengan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) memandangkan parti itu kini berkolaborasi dengan DAP.

Bekas Naib Pengerusi DAP, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim, berkata kerjasama DAP dengan PKR dan PAS dalam pakatan pembangkang sebelum ini hanya bertujuan mendapat sokongan pengundi Melayu.

Katanya, berdasarkan pengalaman yang pernah dilalui PAS sebelum ini, parti itu sepatutnya lebih berhati-hati jika mahu bekerjasama dengan PPBM bagi mengelak terjatuh ke dalam perangkap DAP semula.

“Tun Dr Mahathir Mohamad adalah seorang yang dalam keadaan terdesak. Begitu juga Lim Kit Siang. Justeru, mereka terpaksa melakukan apa sahaja bagi menyelamatkan masa depan politik mereka.

“Yang jelas, apa sahaja hubungan yang mereka cipta, sama ada dalam politik atau peribadi, pada akhirnya ia pasti akan berakhir juga.

“Maka, pesanan saya kepada PAS, berhati-hatilah bagaimana hendak berurusan dengan DAP. Lupakan segala cakap-cakap kononnya hendak ‘menyelamatkan Malaysia’.

Terdesak kukuh dinasti politik

“Persoalannya, hendak menyelamatkan Malaysia daripada siapa? Adakah daripada Dr Mahathir, Datuk Seri Anwar Ibrahim atau Kit

Siang? Tiga keluarga ini sebenarnya terdesak untuk mengukuhkan dinasti politik mereka,” katanya pada sidang media, semalam.


PPBM dan PAS dilaporkan akan bertemu hari ini bagi membincangkan lebih lanjut cadangan untuk bekerjasama dalam Pakatan Harapan.

Terdahulu, Tunku Abdul Aziz mendesak Kit Siang yang juga Ketua Parlimen DAP menyatakan pendiriannya dalam skandal kewangan Bumiputra Malaysia Finance (BMF) yang mempunyai kaitan secara langsung dengan Dr Mahathir.

Beliau berkata, ketika skandal berkenaan berbangkit, pendirian Kit Siang amat konsisten dan pernah menggelar Dr Mahathir yang kini sekutu kuatnya sebagai penyayang.

“Sehingga hari ini Kit Siang tidak bersuara dalam isu berkenaan sedangkan beliau antara pemimpin yang paling lantang menuntut supaya Dr Mahathir disiasat berhubung skandal BMF,” katanya.

[FOTO SYARAFIQ ABD SAMAD/BH]



Tunku Abdul Aziz pada sidang media di ibu negara, semalam.



Pesanan saya kepada PAS, berhati-hatilah bagaimana hendak berurusan dengan DAP. Lupakan segala cakap-cakap kononnya hendak menyelamatkan Malaysia”

Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim,
Bekas Naib Pengerusi DAP